

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN
BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan n apakah mandat yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia dalam mengawasi Tabung Haji. Adakah termasuk pengawasan pelaburan dan adakah mandat ini akan berakhir sebaik sahaja urusan Suruhanjaya Siasatan Diraja Tabung Haji tamat.

JAWAPAN

Tuan Yang-di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan (**MOF**) ingin memaklumkan bahawa pengawalseliaan Lembaga Tabung Haji (**TH**) di bawah Bank Negara Malaysia (**BNM**) adalah **satu solusi interim yang tidak akan mengubah sifat asal TH** sebagai agensi unggul khususnya dalam pengurusan jemaah haji bagi menunaikan Rukun Islam yang kelima. TH tetap kekal melaksanakan fungsi Lembaga Tabung Haji sebagaimana termaktub di bawah Akta Tabung Haji 1995 [**Akta 535**].

2. Selain itu, hal ehwal haji masih kekal di bawah tanggungjawab Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Dari sudut TH pula, Lembaga Pengarah dan badan pengurusannya tetap mempunyai tanggungjawab utama dalam menentukan hala tuju TH, serta pengurusan dan operasi haji.

3. Usaha kawalselia TH dari sudut **pengambilan deposit, serta pengurusan risiko dan kecairan oleh BNM ini adalah satu solusi interim yang akan dilaksanakan sehingga dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI)** dibentangkan untuk pertimbangan Kerajaan selanjutnya. Penambahbaikan kawalselia TH adalah selaras dengan hasrat Kerajaan supaya TH kembali kepada mandat asal penubuhannya.

4. MOF sedia maklum akan perbezaan mandat dan peranan TH berbanding institusi perbankan yang lain. Justeru, MOF ingin menegaskan bahawa skop pengawalseliaan BNM pada waktu ini, sementara menunggu selesainya RCI, adalah tertumpu hanya kepada pengambilan deposit, serta pengurusan risiko dan kecairan, **dengan rangka kerja pengawalseliaan yang berbeza dari peraturan am yang dipatuhi oleh institusi perbankan lain.** BNM mempunyai Majlis Penasihat Syariah yang dianggotai oleh para cendekiawan Syariah dan individu yang berpengetahuan, berpengalaman dan turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dengan memanfaatkan kepakaran majlis ini, persepsi berhubung konsep riba bagi meraih pulangan yang terbaik dari pelbagai pelaburan untuk manfaat pendeposit, tidak akan timbul sama sekali. Kesemua usaha ini adalah bertujuan untuk terus melindungi hak-hak pendeposit dan memastikan segala pelaburan yang dibuat oleh TH adalah berlandaskan prinsip Syariah.

5. **Kawal selia sesebuah institusi yang strategik dan menyentuh hak rakyat adalah penting di atas prinsip semak dan imbang, serta tadbir urus yang berhemah, selaras dengan ketetapan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah.** Prinsip ini bukanlah sesuatu yang baharu dan telah digunapakai secara meluas di Malaysia. Contohnya, Bank Simpanan Nasional dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang mempunyai akta tubuh masing-masing, serta anak syarikat TH sendiri iaitu Bank Islam, yang kesemuanya masih di bawah kawal selia BNM berdasarkan kepentingan sistemik mereka. Solusi interim ini adalah penting untuk melindungi hak dan kepentingan pendeposit sepenuhnya sementara menunggu dapatan RCI dibentangkan.

Sekian, terima kasih.